

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/05/30 - 28

PINDAAN KENYATAAN MEDIA BERTARIKH 27 MAC 2017 BERTAJUK :

PEMBAYAR CUKAI SYARIKAT WAJIB MENGEMUKAKAN BORANG CP204 DAN CP204A TAHUN TAKSIRAN 2018 SECARA E-FILING

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa mengikut peruntukan **subseksyen ~~107C(1A)~~ 107C(7A)** Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), setiap pembayar cukai **syarikat** adalah **diwajibkan** untuk mengemukakan Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (Borang CP204) dan Pindaan Anggaran (Borang CP204A) bagi **Tahun Taksiran 2018 dan seterusnya secara e-Filing.**

Keterangan Subseksyen **107C(7A)** adalah seperti berikut :

(7A) For the purposes of subsections (1) and (7), a company, *limited liability partnership, trust body or co-operative society shall furnish the estimate or revised estimate of its tax payable on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 152A.

Justeru itu, pengemukaan Borang CP204 dan CP204A secara manual (borang **kertas**) jika dilakukan oleh syarikat adalah DIANGGAP TIDAK DITERIMA bagi maksud di bawah subseksyen **107C(7A)** ACP 1967.

Sesebuah syarikat hendaklah mengemukakan Borang CP204 kepada LHDNM tidak kurang daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

Kegagalan syarikat untuk mematuhi peruntukan undang-undang tersebut merupakan satu kesalahan di bawah subseksyen 120(1)(f) ACP 1967 dan boleh dikenakan denda tidak kurang RM200.00 dan tidak lebih RM20,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH**Dikeluarkan oleh:****Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Mei 2019

/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube